

# UPM anjur Mosque (M-Fest) @Pengurusan Masjid

**SERI KEMBANGAN** - Seramai 63 mahasiswa dan dua pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program Mosque (M-Fest)@Pengurusan Masjid di Surau Nurul Ikhlas, Taman Pinggiran Putra di sini kelmarin.

Menurut fasilitator program, Zuhaimi Abdul Rahim, program yang pertama kali dibuat di luar universiti itu diadakan dengan kerjasama Surau Nurul Ikhlas.


Katanya, ia bertujuan mendedahkan pelajar tentang aspek pentadbiran, pengurusan dan komunikasi masjid dalam kalangan pelajar.

“Selain daripada membina kemahiran insaniah, membentuk ciri-ciri kepimpinan

dinamik, penyelesaian masalah dan memupuk sahsiah terpuji, ia juga membuka minda mahasiswa ke arah konsep keusahawanan melalui teras Islamik,” katanya.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah Smart Solat, pertandingan mewarna, bengkel belajar tulisan khat, pameran gerai jualan, program kesihatan dan acara kemuncak Forum Bicara Agama.

Pengarah program, Ahmad Adib Zamir Mohd. pula berkata, seramai 100 peserta turut serta pada pertandingan mewarna dan belajar tulisan khat manakala 90 peserta hadir mengikuti Smart Solat di bawah kendalian Ustaz Mohd. Aqib Amat.



PENSYARAH dan mahasiswa UPM bergambar kenangan sempena program Mosque (M-Fest)@Pengurusan Masjid di Surau Nurul Ikhlas, Taman Pinggiran Putra, Seri Kembangan kelmarin.